

03 SEP 1997

Ling-Penerbangan

MALAYSIA MINTA TAMBAH PENERBANGAN KE HONG KONG

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Malaysia meminta untuk menambahkan penerbangannya ke Hong Kong apabila Lapangan Terbang Antarabangsa Chek Lop Kok, yang baru dibina di Hong Kong, memulakan operasinya pada April tahun depan.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata pada masa ini Lapangan Terbang Kai Tak, yang hanya mempunyai satu landasan, mempunyai ruang terhad menyebabkan sukar bagi Penerbangan Malaysia menambahkan penerbangan ke wilayah China itu untuk menampung permintaan.

"Kita telah bersetuju untuk membincangkan kemungkinan perkara itu. Dengan pembukaan lapangan terbang baru itu, kami berpendapat ini adalah masanya untuk meminta mereka menambahkan kapasiti bagi menggalakkan lagi industri pelancongan yang dapat memanfaatkan Malaysia dan Hong Kong," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Tung Chee Hwa, di pejabatnya di sini hari ini. Mereka berbincang dan bertukar pendapat mengenai pelbagai isu termasuk perdagangan dan industri serta hubungan baik ekonomi Malaysia dan wilayah itu.

Dr Ling berkata setakat ini, terdapat antara 19 dan 20 juta penumpang dari seluruh negara yang menggunakan Lapangan Terbang Kai Tak setiap tahun.

Dr Ling juga berkata kementerian sedang menunggu keputusan kerajaan Hong Kong terhadap cadangan STAR Cruise Sdn Bhd, syarikat pelayaran percutian di Malaysia, menjadikan Hong Kong sebagai satu daripada perhentianannya.

"Kami membincangkan mengenai keperluan meningkatkan hubungan dalam perkapalan dan Tung bersetuju untuk mengkaji perkara itu," katanya.

"Saya juga memaklumkan (kepada Tung) bahawa kerjasama dalam perkapalan antara Malaysia dan Hong Kong adalah untuk jangka masa panjang," tambahnya.

Tung dan empat orang lagi anggota rombongannya tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja dua hari.

Terdahulu, Tung mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timblannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tung dijadualkan berlepas ke Singapura esok. -- BERNAMA

WNZ NAK